

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 07 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10311**

**SOALAN :**

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci, hidangan makanan dan perkhidmatan perubatan yang disediakan kepada setiap banduan dalam lokap polis.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kos penyediaan makan dan minum untuk tahanan dalam lokap polis adalah di antara RM9.00 hingga RM14.80 sehari (sarapan, makan tengah hari dan makan malam) bagi setiap orang yang ditahan (bergantung kepada kedudukan lokap berkenaan).**

**Bagi menjamin hak-hak kesihatan tahanan terpelihara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan surat bertarikh 17 April 2017 rujukan KKM 600.27/12/1 Jld 4 (33) agar kes-kes kecemasan "akut" dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital pakar berdekatan untuk rawatan segera. Standard Operating Procedure (SOP) pengurusan tahanan lokap polis mengikut Arahan Pentadbiran Bil 11/2014 juga memasukkan elemen baru iaitu orang tahanan hendaklah mengisi borang pengesahan penyakit dan ditandatangani oleh orang tahanan itu.**

**Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai juga telah diarahkan untuk berhubung dengan Pengarah Hospital Daerah bagi membuat lawatan kesihatan secara berkala ke lokap polis dan hendaklah menghantar segera tahanan yang mengadu sakit untuk mendapatkan rawatan di hospital berdekatan.**